

# Didik secara bijaksana bentuk sahsiah anak

PM minta ibu bapa jangan terlalu banyak pantang larang

Oleh Fazli Abdullah dan Faiza Zainudin

**K**EPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta ibu bapa jangan terlalu mengenakan pantang larang ketika melayan kerenah anak kecil berusia satu hingga lima tahun yang dalam proses pembesaran.

Sebaliknya, Perdana Menteri meminta mereka menegur dan mengajar secara bijaksana, bukan menjerkah atau menengking kerana teguran secara kasar boleh mempengaruhi jiwa anak.

Beliau berkata, pendekatan berkenaan amat penting dan pelengkap kepada program yang dilaksanakan Pusat Anak Permata Negara (PAPN) bagi membentuk sahsiah dan peribadi anak.

Katanya, program PAPN bersesuaian kerana memberi penekanan kepada aspek membina sahsiah anak, kesuburan akal, naluri dan kesihatan badan ketika kanak-kanak berusia

satu hingga lima tahun.

“Dengan menggunakan pendekatan ini dan tenaga profesional, disokong oleh sektor swasta, saya percaya dan tidak was-was lagi (terhadap PAPN) dan memberi sokongan penuh.

“Bagaimanapun, ibu bapa janganlah... itu tidak boleh, ini tidak boleh. Pantang larang banyak sangat... anak kita kecil, ada satu perasaan ingin tahu, hendak buat itu dan ini,” katanya pada perasmian Pusat Anak Permata Negara Kepala Batas di Taman Kubang Menerong, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara dan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Sehingga kini ada lima PAPN termasuk di Mempaga, Pahang; Subang Jaya, Selangor; Putrajaya dan Chini, Pahang. Sepuluh lagi PAPN dalam proses penubuhan dan dijangka beroperasi sebelum akhir tahun ini me-

nerusi peruntukan khas berjumlah RM20 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pusat itu menawarkan pendekatan alternatif mengasuh serta pendidikan awal kanak-kanak dan terbukti berupaya merangsang perkembangan pesat kebolehan intelek, kestabilan emosi, kognitif dan komunikasi.

Program itu menekankan aktiviti bermain, menyanyi, bercakap, menero-

**“Pandai-pandailah didik, jangan terdedah kepada apa yang bahaya kerana kenakalan masa kecil adalah sesuatu yang biasa”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

ka dan mencipta sebagai kaedah asuhan dan pembelajaran yang menyeronokkan kanak-kanak.

Perdana Menteri yang menyokong penuh program itu, mencadangkan supaya lebih banyak pusat seumpamanya dibina di seluruh negara bagi memberi peluang pendidikan awal berkualiti kepada kanak-kanak terutama di luar bandar.

Beliau berkata, pembinaan pusat itu amat penting bagi memastikan penduduk luar bandar mendapat peluang yang sama dengan yang tinggal di bandar dan berpeluang mendapat pendidikan setaraf penduduk bandar.

Terdahulu, Abdullah mengadakan perjumpaan dengan Pemuda, Puteri dan Wanita Umno Pulau Pinang di Georgetown, diikuti mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri.

Selepas merasmikan PAPN, Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas, mempengerusikan mesyuarat Bahagian Kepala Batas di Pusat Khidmat Umno bahagian itu.

BH - 21/5/2007